

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 13 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 27

Delegasi WUF9 kagum konsep pembangunan semula Residensi Kerinchi

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Konsep pembangunan semula perumahan flat empat tingkat di Kampung Kerinchi menarik perhatian dan mendapat pujian delegasi Forum Bandar Sedunia (WUF9) yang mengadakan lawatan ke Residensi Kerinchi, di sini. Rata-rata delegasi menyatakan kekaguman mereka terhadap projek berkenaan dan berhasrat menjadikannya sebagai 'bekalan' untuk dibawa pulang ke negara masing-masing.

Seorang delegasi, Sarahidha Irelli yang mewakili Kementerian Kerja Raya dan Perumahan Indonesia berkata, dia kagum dengan usaha syarikat swasta itu yang berjaya mendapat kerjasama baik daripada penduduk untuk membangunkan semula penempatan yang didiami sejak tahun 1971.

"Ada juga projek seumpama ini di Jakarta tetapi ia memberikan seribu satu cabaran kerana sukar mendapat kerjasama daripada penduduk manakala rumah transit yang menjadi penempatan sementara rata-ratanya jauh dari tapak projek pembangunan semula.

"Ini merupakan projek cemerlang di Malaysia tanpa meminggirkan sesiapa pun malah memberikan keadilan untuk semua.



YUSRAN HUSSAIN (kiri) memberi penerangan mengenai konsep pembangunan semula Residensi Kerinchi semasa sesi lawatan delegasi WUF9 ke kediaman tersebut di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - BERNAMA

Ia satu pengalaman dan perkongsian bermakna buat delegasi," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* dalam sesi lawatan tersebut di sini.

Yang turut hadir Pengarah Suezcap, Datuk Yusran Hussain dan Pengarah Projek Suez Capital

Sdn. Bhd.

Rakan senegara Sarahidha, Sara Sorraya Ermura pula berkata, program pembangunan semula di sesebuah kawasan terutama di ibu negara penting untuk meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk seiring dengan per-

bahan zaman.

Dia yang juga pegawai agensi perumahan di Kalimantan, Indonesia berkata, usaha kerajaan Malaysia bersama pihak swasta dalam memajukan kawasan pinggir bandar dengan membekalkan kediaman selesa buat penduduk berpendapatan sederhana itu wajar dicontohi negara lain.

Sementara itu, Pengarah Projek Suez Capital Sdn. Bhd., Abdul Hadi Ahmad berkata, lawatan disertai seramai 150 delegasi melibatkan pelbagai negara itu tepat pada masanya untuk memperlihatkan contoh model pembangunan pangsapuri antara yang terbaik di ibu kota.

"Residensi Kerinchi yang terletak di kawasan KL Gateway ini dijadikan salah satu destinasi kunjungan delegasi WUF9 bertujuan memperlihatkan kejayaan projek pembinaan hasil program pembangunan semula Kementerian Wilayah Persekutuan.

"Program ini juga merupakan perkongsian pengetahuan mengenai pembangunan semula bangunan kediaman dilengkapi ciri-ciri serba moden yang diharapkan dapat dijadikan contoh di negara peserta," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN